

05 SEP 2002

Sabah-Rogol/I

POLIS SIASAT DAKWAAN GADIS FILIPINA DIROGOL DI PUSAT TAHANAN

Oleh: Muammar Kamaruddin

KOTA KINABALU, 5 Sept (Bernama) -- Polis sedang menyiasat dakwaan kononnya seorang gadis Filipina berusia 13 tahun telah dirogol oleh anggota polis Malaysia semasa dia ditahan di sebuah pusat tahanan di sini, kata Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Ramly Yusuff hari ini.

Presiden Filipina Gloria Arroyo dilaporkan telah mengutus surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed meminta beliau segera bertindak mengenai perkara itu.

Ramly berkata polis telah menubuhkan satu pasukan khas yang diketuai DSP Hazani Ghazali bagi menyiasat perkara tersebut.

"Siasatan masih dijalankan. Kami sedang mendapatkan bantuan daripada rakan sejawatan kami dari Filipina supaya menghantar gadis berkenaan ke negara ini bagi membolehkan kami mengambil langkah selanjutnya," katanya pada sidang media bersama oleh pegawai Malaysia dan pasukan pencari maklumat dari Filipina.

Pasukan 10 anggota itu yang diketuai Nur Jaafar, penasihat presiden Filipina, berlepas pulang tengah hari ini selepas berada selama empat hari di negeri ini bagi menyiasat dakwaan kononnya pihak berkuasa Malaysia telah memberi layanan buruk kepada pendatang tanpa izin semasa mereka ditahan di pusat tahanan sementara menunggu dihantar pulang.

Ketika menjawab soalan wartawan Filipina kenapa gadis berkenaan perlu dihantar ke negara ini, Ramly berkata ini penting untuk membolehkan gadis itu mengenal pasti siapakah perogolnya.

Nur Jaafar, ketika ditanya oleh pemberita Malaysia sama ada polis Filipina telah menjalankan siasatan terhadap kes tersebut, berkata: "Di pihak kami, siasatan sedang dijalankan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang.

"Kami amat berterima kasih atas tindakan beliau (Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat) kerana walaupun tidak terdapat bukti, beliau telah mengarahkan Pesuruhjaya Polis menjalankan siasatan dengan segera."

Mengikut prosedur biasa, seseorang mangsa rogol perlu membuat laporan polis sebelum siasatan mengenainya dapat dijalankan.

-- BERNAMA

MK SK SP NMO